



PENILAIAN *OUTCOME* TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)

**MESYUARAT
PASUKAN PENILAIAN PROGRAM PERTANIAN
BIL.1/2013
Tarikh: 30 APRIL 2013**

JABATAN PERTANIAN MALAYSIA


KANDUNGAN

- 1 TUJUAN
- 2 LATAR BELAKANG PROJEK
- 3 TERMA RUJUKAN (TOR)
- 4 PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN
- 5 ANALISIS KAJIAN
- 6 PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN
- 7 ISU DAN MASALAH
- 8 SYOR/CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
- 9 RUMUSAN
- 10 LAMPIRAN



1. TUJUAN

1. TUJUAN PENILAIAN



1.

Mendapatkan persetujuan jawatankuasa untuk mengangkat pembentangan ini kepada pengurusan tertinggi dan ICU, JPM

2.

Menilai pencapaian objektif/dasar program yang telah ditetapkan

3.


Mendapatkan keputusan dalam menyediakan cadangan dasar/polisi program untuk penambahbaikan





2. LATAR BELAKANG PROJEK

2. LATAR BELAKANG PROJEK



BIDANG HASIL UTAMA:
PENGELUARAN SAYUR, BUAH-BUAHAN DAN BAHAN MAKANAN

NO SPPII:


21 02500 922 0000 (sehingga tahun 2009)

PECAHAN MENGIKUT LOKASI PROJEK (tahun 2010)


* Termasuk projek TKPM di Sabah



2. (ii) PETA LOKASI PROJEK TKPM



2. (iii) KONSEP PELAKSANAAN




2. (iv) OBJEKTIF PROJEK

- 1 Mewujudkan zon / kawasan kekal pengeluaran makanan
- 2 Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan
- 3 Meningkatkan penglibatan usahawan
- 4 Mensasarkan pendapatan peserta sebanyak RM3,000/bulan
- 5 Meningkatkan penglibatan syarikat swasta

2. (v) SKOP PROJEK

- ✓ Menaik taraf infrastruktur di TKPM sediaada seperti Jalan ladang, perparitan dan sistem pengairan serta menyediakan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih.
- ✓ Membangunkan TKPM Baru dengan menyediakan infrastruktur seperti jalan ladang utama, sistem pengairan utama, kemudahan pasca tuai, pagar sempadan, setor SALM & rumah peserta serta menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan elektrik
- ✓ Baik pulih kesuburan tanah yang melibatkan pembelian baja organan dan pembinaan bangsal serta bahan penyediaan kompos

2. (vi) PERUNTUKAN & PERBELANJAAN TKPM



- Sejumlah **RM104,6547,906** telah dibelanjakan di bawah **Peruntukan NKEA** pada tahun 2011 dan 2012 bagi pembangunan TKPM.
- Jumlah keseluruhan **Peruntukan HIP** yang dibelanjakan bagi tempoh RMK-8 hingga RMK-10 adalah sebanyak **RM 135,429,692**.



3. TERMA RUJUKAN (TOR)

3. TERMA RUJUKAN

METODOLOGI KAJIAN

DATA PRIMER

- ✓ Menggunakan borang soal selidik berstruktur
- ✓ Temubual dan tinjauan ke lokasi projek responden dilaksanakan pada bulan Jun – Ogos 2012.

DATA SEKUNDER

- ✓ Laporan Prestasi Projek TKPM daripada Bahagian Hortikultur dan Jabatan Pertanian Negeri
- ✓ Laporan prestasi perbelanjaan

SKOP KAJIAN

- Penilaian melibatkan seramai 303 orang (31%) daripada 966 orang peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di seluruh Negara

Analisis data menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Ver.18.*



4. PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN

4. PEMBENTUKAN INDIKATOR


KEMENTERIAN / AGENSI	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA			
KRA	PENINGKATAN SUMBANGAN SUB SEKTOR AGRO-MAKANAN KEPADA KDNK			
PROGRAM / PROJEK	PEMBANGUNAN TKPM			
KPI	1. Jaminan Bekalan Makanan Negara 2. Peningkatan Taraf Hidup Petani			
	INDIKATOR PENCAPAIAN			
OBJEKTIF	OUTPUT		OUTCOME	
	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
1. Mewujudkan zon / kawasan kekal pengeluaran makanan	Luas TKPM yang dibangunkan: 5,843 Ha	Luas TKPM yang dibangunkan: 5,515 Ha/94%	Luas yang telah ditanam: 6,500Ha	Luas yang telah ditanam: 6,071Ha/93%
2. Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan	Jumlah pengeluaran: 113 Ribu Mt	Jumlah pengeluaran: 113.53 Ribu MT/100%	Nilai pengeluaran: RM120 Juta	Nilai pengeluaran: RM0147.61 Juta/123%
3. Meningkatkan penglibatan usahawan	Bilangan usahawan yang terlibat: 800 orang	Bilangan usahawan yang terlibat: 806 orang/ 100%	Bilangan peserta <i>sustain</i> : 700 org	Bilangan peserta <i>sustain</i> : 488 org/70%
4. Mensasarkan pendapatan peserta sebanyak RM3,000/bulan	Bil. Peserta berpendapatan >RM3,000/bulan: 300 orang	Bil. Peserta berpendapatan >RM3,000/bulan: 253 orang/ 84%	Bil. Syarikat yang jadi anchor: 20 syarikat	Bil. Syarikat yang jadi anchor: 15 syarikat / 75%
5. Meningkatkan penglibatan syarikat swasta	Bilangan syarikat swasta yang terlibat: 200 syarikat	Bilangan syarikat swasta yang terlibat: 160 syarikat		



5. ANALISIS KAJIAN

ANALISIS DEMOGRAFIK RESPONDEN


(i) KATEGORI UMUR RESPONDEN



- 91% (276 orang) daripada responden adalah lelaki dan hanya 9% (27 orang) adalah usahawan wanita.
- Majoriti responden berumur antara antara 30 hingga 59 tahun dengan purata umur 45 tahun.

(ii) TARAF PENDIDIKAN RESPONDEN


TARAF PENDIDIKAN MENGIKUT KATEGORI PESERTA




- Majoriti peserta TKPM terdiri daripada mereka yang berpendidikan peringkat sekolah menengah.
- Hanya 19% (58 orang) daripada jumlah keseluruhan peserta yang mengusahakan projek TKPM secara separuh masa.

(iii) BIDANG USAHA & TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

BIDANG USAHA YANG DILAKSANAKAN



TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK



- 27% (82 orang) daripada keseluruhan responden mengusahakan lebih dari satu jenis perusahaan.
- 15% (45 orang) responden mengusahakan kombinasi tanaman sayuran & buah-buahan, 5% (14 orang) sayuran & tanaman kontan diikuti dengan 3% (8 orang) mengusahakan kombinasi buah-buahan & tanaman kontan manakala 4% (15 orang) mengusahakan tanaman lain-lain kombinasi.
- Jumlah responden yang mengusahakan projek melebihi 5 tahun adalah seramai 115 peserta di mana 42% (60 orang) mengusahakan tanaman sayuran dan selebihnya 35% (56 orang) mengusahakan tanaman buah-buahan sebagai tanaman utama.


OBJEKTIF 1:

**MEWUJUDKAN ZON/KAWASAN
KEKAL PENGELUARAN MAKANAN**



OUPUT 1: LUAS DIBANGUNKAN

JUMLAH LUAS DIBANGUNKAN




- Sehingga 2012 sebanyak 64 TKPM telah dibangunkan termasuk 2 TKPM di Negeri Sabah
- Antara TKPM yang baru dibangunkan dan masih belum berhasil adalah:


BIL	SENARAI TKPM	TAHUN	LUAS FIZIKAL (HA)
1	IATC Putatan, Sabah	2012	20
2	Masilou, Kundasang, Sabah	2012	15
3	Muadzam Shah, Rompin, Pahang	2012	175
4	Sedili, Kota Tinggi, Johor	2012	100
5	Jemaluang, Mersing, Johor	2012	620
6	Tenggaroh, Mersing, Johor	2012	192
7	Sg. Lebak, Kota Tinggi, Johor	2012	77
8	Siswazah Tani, Serdang, Selangor	2010	50
9	Lojing II, Gua Musang, Kelantan	2010	200

OUTCOME 1: LUAS BERTANAM

JUMLAH LUAS BERTANAM PROJEK TKPM




STATUS PEWARTAAN TANAH TKPM




- Pencapaian luas bertanam bagi tahun 2012 adalah 93%

OBJEKTIF 2:

MENINGKATKAN PENGELUARAN TANAMAN MAKANAN




OUTPUT 1: JUMLAH PENGELUARAN (MT)



- Setiap RM1 yang telah dibelanjakan oleh kerajaan di bawah RMK-9 dan RMK-10 telah memberikan pulangan pelaburan sebanyak 2.4Kg
- *Pulangan pelaburan mengambil kira peruntukan HIP sahaja.*


OUTCOME 1: NILAI PENGELUARAN (RM)



- Setiap RM1 yang telah dibelanjakan oleh kerajaan di bawah RMK-9 telah memberikan pulangan pelaburan sebanyak RM2.57


OBJEKTIF 3:

MENINGKATKAN PENGLIBATAN USAHAWAN



OUTPUT 1: BILANGAN PESERTA USAHAWAN TKPM


BILANGAN USAHAWAN YANG MENYERTAI PROJEK TKPM




- Sehingga 2012, bilangan usahawan yang menyertai projek TKPM adalah seramai 806 orang iaitu pencapaian sebanyak 100%.

OUTCOME 1: BILANGAN PESERTA YANG SUSTAIN

BILANGAN PESERTA MENGIKUT TEMPOR USAHA



BILANGAN PESERTA YANG SUSTAIN (tempoh usaha melebihi 5 tahun)



- Jumlah keseluruhan peserta usahawan di projek TKPM pada tahun 2012 adalah seramai 806 orang.
- Daripada 806 orang peserta tersebut, seramai 488 orang (61%) telah mengusahakan projek melebihi 5 tahun.


OBJEKTIF 4:

**MENSASARKAN PENDAPATAN
PESERTA SEBANYAK
RM3,000/BULAN**




OUTPUT 1: BILANGAN PESERTA MEMPEROLEHI PENDAPATAN >RM3,000/BULAN

BILANGAN PESERTA YANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN MELEBIHI RM3,000 SEBULAN




TABURAN PENDAPATAN PESERTA TKPM



- Pada tahun 2012, jumlah keseluruhan peserta TKPM adalah seramai 966 orang di mana 610 orang peserta (63%) telah berhasil.
- Daripada 610 orang peserta yang telah berhasil, 41% peserta berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM3,000 sebulan.


TABURAN PENDAPATAN PESERTA (Hasil penilaian ke atas responden)




18% (35 orang) daripada responden yang berpendapatan kurang daripada RM1,000/bulan sebelum menyertai program telah mencapai pendapatan RM2,001-RM3,000 sebulan manakala 15% (21 orang) lagi telah memperolehi pendapatan melebihi RM3,000 sebulan.

OBJEKTIF 5:

MENINGKATKAN PENGLIBATAN SYARIKAT SWASTA




OUTPUT 1: BILANGAN SYARIKAT SWASTA YANG TERLIBAT



- Pencapaian penglibatan syarikat swasta bagi tahun 2012 adalah 100% atau 160 syarikat.
- Dari tahun 2006 hingga tahun 2012, penglibatan oleh syarikat swasta di projek TKPM telah meningkat sebanyak 60%

OUTCOME 1: BILANGAN SYARIKAT YANG MENJADI *ANCHOR*



- Dari tahun 2006 hingga tahun 2012, bilangan syarikat yang menjadi *anchor* di projek TKPM telah meningkat sebanyak 80%



6. PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN

6. KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROJEK

i- SISTEM PENYAMPAIAN

Mendapat bimbingan dan latihan secara berkala dari agensi



Pemantauan berkala dari agensi sepanjang pelaksanaan program



Proses Permohonan bantuan tidak mengambil masa yang lama



Kelengkapan asas/ alatan/ infrastruktur dibekalkan membantu /memudahkan pengeluaran



Kelengkapan asas/ alatan/ infrastruktur dibekalkan membantu meningkatkan pengeluaran



Pemindahan/ penggunaan teknologi baru membantu tingkatkan pengeluaran



Pemindahan/ penggunaan teknologi baru membantu tingkatkan kualiti pengeluaran



Perjanjian jual beli membantu menjamin pasaran



Purata Skor
3.22

1 – Sangat Tidak Setuju



2 – Tidak Setuju



3 - Setuju



4 – Sangat Setuju

6. KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROJEK (sambungan)

ii-KEBERKESANAN PROGRAM / PROJEK	SKOR
Program membantu meningkatkan hasil pengeluaran	3.20
Program membantu meningkatkan hasil pendapatan	3.27
Pendapatan dari program ini mampu menampung perbelanjaan keluarga	3.21
Selepas mengikuti program ini anda mampu mempunyai wang simpanan	3.16
Selepas mengikuti program ini, anda mampu mendapatkan rawatan kesihatan yang lebih baik bagi diri sendiri dan keluarga	3.09
Selepas mengikuti program ini, anda mampu mendapatkan keperluan makanan yang lebih baik/berkhasiat bagi diri sendiri dan keluarga	3.28
Selepas mengikuti program ini, anda mampu memberi keperluan pendidikan yang lebih baik kepada keluarga/anak-anak/tanggungan	3.17
Program ini berjaya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan diri	3.33
Kualiti pengeluaran meningkat selepas penglibatan dalam program	3.23
Program membantu dalam perolehan pensijilan dan pengiktirafan	3.16

Purata Skor = 3.21

1 – Sangat Tidak Setuju



2 – Tidak Setuju



3 - Setuju




4 – Sangat Setuju



7. ISU DAN MASALAH

ISU PELAKSANAAN PROJEK


IX. ISU PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK



- 92% daripada responden menyatakan bahawa peningkatan kos bahan mentah menjejaskan produktiviti pengeluaran hasil pertanian mereka.
- 89% responden mampu menampung modal pusingan seterusnya dengan pendapatan yang diperolehi.
- 89% responden bersetuju bahawa program ini memudahkan peserta memasarkan produk mereka.



8. SYOR/CADANGAN PENAMBAHBAIKAN *(Responden)*





ISU/MASALAH	BILANGAN RESPONDEN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Kemudahan infrastruktur dan mekanisasi ladang	41 Orang (36%)	Meningkatkan kesedaran peserta dalam aspek penyelenggaraan dan membuat penyelenggaraan secara berjadual.
Kurang kerjasama antara peserta dan Jabatan	27 Orang (24%)	Memperkemaskan sistem pemantauan oleh pengurus projek dan pasukan pakar.
Serangan perosak & penyakit tanaman	19 Orang (17%)	Meningkatkan khidmat nasihat oleh pegawai Jabatan serta membuat parit sempadan bagi mengelakkan serangan haiwan perosak.
Kekurangan kawasan untuk meluaskan lagi projek.	18 Orang (16%)	Lot yang belum ada peserta boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan kepada peserta sediaada yang komited.
Harga tidak stabil dan kurang luang pasaran.	18 Orang (16%)	Menggalakkan jualan terus dan secara kontrak dengan tawaran harga yang menarik melalui syarikat-syarikat atau agensi kerajaan seperti FAMA
Tanah yang diusahakan bermasalah	13 Orang (12%)	Membaikpulih tanah dengan merujuk kepada laporan kesesuaian tanah untuk mengenalpasti masalah sebenar tanah tersebut.
Kekurangan tenaga buruh dan proses permohonan yang lama untuk mendapatkan tenaga buruh	8 Orang (7%)	Menggalakkan pengambilan pekerja asing dari pelbagai negara.



- Bilangan responden yang menjawab adalah 96 orang daripada 303 responden keseluruhan di mana terdapat responden menyatakan lebih dari satu isu/masalah*





9. RUMUSAN

- 
1. Memperkemaskan strategi pemantauan dan pelaporan oleh pasukan pakar supaya dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.
 2. Mengadakan perjumpaan secara rasmi dan berkala antara pengurus dan peserta TKPM bagi mengenalpasti masalah/isu pelaksanaan projek.
 3. Mengadakan TWG dengan agensi-agensi kerajaan/sector swasta bagi mengatasi masalah pemasaran, penyelenggaraan infrastruktur dan bekalan input pertanian.
 4. Memastikan peserta menanam tanaman yang dicadangkan berdasarkan laporan kesesuaian tanah bagi mengelakkan implikasi ketidaksuburan tanaman.
 5. Meneruskan penilaian *Star Rating* TKPM pada setiap tahun.
- 



Menambahbaik dan memperkemaskan lagi sistem pengurusan TKPM dengan kadar segera memandangkan program ini merupakan *pride project* Jabatan yang sentiasa dipantau oleh pelbagai pihak.

Memantapkan beberapa aspek dalam pelaksanaan projek TKPM seperti dokumentasi, pengemaskinian rekod dan usaha ke arah pensijilan SALM.





TERIMA KASIH